


PART 5

2025 SPM SEJARAH



Belajar bijak, berjaya cemerlang!

by SPM Intelligent Team
@studytips.com.my

PART 5

RAMALAN 2025 SPM SEJARAH

SPM KERTAS 2			RAMALAN
2021	2022	2023	2025
TINGKATAN 5 BAB 5: PEMBENTUKAN MALAYSIA			
- Wilayah terlibat - Manfaat - Reaksi Brunei	- Reaksi Singapura	- Faktor pembentukan - Reaksi Indonesia - Kepentingan hubungan Malaysia dengan Indonesia	- Langkah ke arah pembentukan Malaysia - Perjanjian Julai 1963 - Reaksi penduduk
TINGKATAN 5 BAB 6: CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA			
	Singapura - faktor pemisahan		- Cabaran dalaman / langkah atasi Tragedi 13 - faktor / cara atasi
TINGKATAN 5 BAB 7: MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA			
Rukun Negara (Kesetiaan kepada Raja & Negara) Teras pendidikan Kebangsaan Penyata Jawatankuasa Pelajaran - Teras / cadangan / kepentingan	Sukan / memupuk perpaduan Rukun Negara Pendidikan Keb. Mata pelajaran Sejarah & Tatarakyat	Konsep - Perpaduan Kaum - Integrasi nasional - Cara pupuk melalui aspek sosial - Kepentingan perpaduan	Perpaduan SPM'24 B. Melayu - Cara martabat SPM'24 / kepentingan - Kebudayaan keb SPM'24 DBP - Peranan - Prinsip

SPM Sudah Suntut?

Ya. Tapi anda tidak perlu risau! Intelligent Team kami akan terus membantu anda. Anda hanya perlu baca dan hafalkan apa yang diberikan. Ramalan yang dibekalkan berpotensi tinggi untuk keluar dalam SPM nanti. Ramalan yang diberi sedikit sahaja. Tidak akan mengganggu pembelajaran anda yang lain. Selepas Sejarah, kami akan sediakan Bahasa Melayu dan seterusnya Bahasa Inggeris.

Harap dapat membantu anda!

Uncle Andrew

PART 5

Ramalan 2025 SPM SEJARAH

Contoh Soalan dan Jawapan

TINGKATAN 5 BAB 5: PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Gambar berikut menunjukkan peristiwa pengisytiharan Malaysia secara rasmi pada 16 September 1963 di Kota Kinabalu, Sabah.



(a) Jelaskan idea pembentukan Malaysia.

[6 markah]

F1 Idea Pegawai British

H1a Lord Brassey / Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara

H1b Penggabungan Sarawak, Sabah, Negeri Melayu, dan Negeri Negeri Selat (gabungan mesti betul)

H1c Menjadi jajahan yang besar

H1d Potensi/ ekonomi / memudahkan pentadbiran British

H1e Sir Malcolm MacDonald / Gabenor Jeneral Asia Tenggara

H1f Penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara/Sabah, Sarawak, Singapura, Brunei, PTM, Wilayah Borneo

H1g Membentuk entiti politik / ekonomi

H1h Menyesuaikan dengan rancangan dekolonisasi / proses ke arah berkerjaan sendiri

H1i Berbincang dengan Dato' Onn Jaafar / Pemimpin UMNO / ahli Majlis Perundangan Persekutuan

H1j Sir Gerald Templer / Pesuruhjaya Tinggi British

H1k Meminta disegerakan penggabungan

H1l Tujuan pertahanan/keselamatan

H1m Mesyuarat pegawai tinggi British di Borneo bersetuju dengan cadangan

H1n Sir Geoffrey Tory / Pesuruhjaya Tinggi British

H1o Cadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu

H1p Atas kepentingan ekonomi

H1q Mendapat sokongan Pejabat Kolonial

F2 Idea Penduduk Tempatan

H2a Majalah Al-Imam

H2b Menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan / pembangunan ekonomi

H2c Nasionalis Tanah Melayu / Ibrahim Haji Yaakob / Harun Aminurrashid / Ahmad Boestamam / Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) / Dr Burhanuddin al-Helmi

H2d Memperjuangkan konsep Melayu Raya/

H2e Gabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia

H2f Idea ini tidak berhasil

H2g Presiden Soekarno mengisytiharkan kemerdekaan 1945 tanpa melibatkan PTM

F3 Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj semasa ucapan di Persidangan Agung UMNO

H3a Cadangkan Singapura, Sarawak, Sabah, Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu
H3b Datu Mustapha Datu Harun bertemu dengan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
H3c Menyatakan minat Sabah untuk bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu
H3d Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membuat makluman kepada Lord Perth
H3e Berminat untuk bergabung dengan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura
H3f Membentuk sebuah negara merdeka dalam satu sistem kerajaan persekutuan
F4 Cadangan pemimpin Singapura
H4a Lim Yew Hock / David Marshall mencadangkan penggabungan
H4b Lee Kuan Yew
H4c Mencadangkan penggabungan Singapura dan PTM sahaja
H4d Idea ini tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman

(b) Terangkan reaksi tempatan terhadap idea tersebut.

[6 markah]

F1 Persekutuan Tanah Melayu

H1a Penduduk / parti politik memberi sambutan baik
H1b Parti politik bersetuju dan menerima cadangan pembentukan Malaysia
H1c UMNO memberi sokongan kepada Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

F2 Sarawak

H2a Menyokong
H2b BARJASA / PANAS / PESAKA / SCA
H2c Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub / Datu Tuanku Haji Bujang Tuanku Othman / Datu Bandar Abang Haji Mustapha / Temenggung Jugah anak Barieng
H2d Menentang
H2e SUPP / SNAP
H2f Ong Kee Hui / Stephan Kalong Ningkan
H2g SNAP menentang kemudian menyokong
H2h Berdasarkan cadangan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)
H2i Oktober 1962 PANAS, SNAP, BARJASA, SCA dan PESAKA bergabung membentuk Parti Perikatan Sarawak untuk menyokong Malaysia
H2j Parti politik Sarawak menubuhkan gabungan menyokong Malaysia / Sarawak Alliance
F3 Sabah

H3a Peringkat awal penduduk berasa curiga / bimbang
H3b Kerana perdagangan /perkhidmatan awam berjalan dengan baik.
H3c Penduduk pula bebas menjalankan kegiatan harian mereka
H3d tentera British menjamin keselamatan mereka
H3e Berpendapat tiada keperluan untuk bergabung
H3f Menyokong
H3g UNKO / USNO / Pasok Momogun / Sabah Chinese Assocation (SCA)
H3h Datu Mustapha Datu Harun
H3i Parti politik menubuhkan gabungan untuk menyokong Malaysia / Sabah Alliance
H3j UNKO/USNO/United Pasok Momogun (UPKO), Democratic Party /Sabah Indian Congress.
H3k Menentang
H3l Cadangan pembentukan Malaysia mengejutkan pemimpin / penduduk Sabah
H3m Inginkan kemerdekaan secara berasingan
H3n membentuk sebuah Kesatuan Negeri-negeri Borneo yang merdeka
H3o Menggagap Tanah Melayu terasing seperti Indonesia / Filipina
H3p Mempersoalkan keadaan pemimpin tempatan yang perlu menyesuaikan diri dengan politik / pilihanraya berkerajaan sendiri yang telah diamalkan di Tanah Melayu / Singapura
H3q Jarak antara Sarawak / Sabah / Tanah Melayu yang jauh akan menimbulkan masalah
H3r Pemimpin Borneo/Ong Kee Hui (Pengerusi SUPP), A.M. Azahari (Parti Rakyat Brunei) dan Donald Stephens (Fuad Stephens) daripada UNKO membentuk Barisan Bersatu / United Front
H3s Mencabar rancangan pembentukan Malaysia

H3t Akhirnya UNKO menyokong pembentukan Malaysia

F4 Singapura

H4a Menyokong

H4b People's Action Party (PAP) dipimpin oleh Lee Kuan Yew

H4c Golongan pedagang/pengusaha industri

H4d membuka peluang pasaran yang lebih besar

H4e Parti lain / Parti Buruh Singapura bersetuju tetapi menganggap gabungan Malaysia sebagai usaha yang sukar dilaksanakan

H4f Menentang

H4g Parti Rakyat Singapura menentang gagasan Malaysia

H4h Barisan Sosialis menganggap pembentukan Malaysia penjajahan baru

H4i Mencadangkan pandangan rakyat diperoleh sebelum menyertai Malaysia

F5 Brunei

H5a Menyokong

H5b Sultan Brunei / Sultan Omar Ali

H5c Rakyat Brunei pada peringkat awalnya berminat menyertai gabungan Malaysia

H5d Namun ingin mencapai kemerdekaan terlebih dahulu

H5e Menentang

H5f Parti Rakyat Brunei dipimpin A. M. Azahari

H5g lebih berminat menggabungkan Brunei, Sarawak, Sabah, dan Kalimantan Utara

H5h Berpendapat pembentukan Malaysia cara kerajaan British mengekalkan pengaruh

H5i Menguasai ekonomi / menjamin keselamatan

H5j Khawatir Brunei kehilangan sebahagian besar kekayaan sekiranya menyertai gabungan

(c) Kepelbagaian kaum, etnik dan budaya di Malaysia perlu diraikan. Beri pendapat anda.

[8 markah]

- mewujudkan peluang untuk berinteraksi dan menjalin persahabatan
- melahirkan generasi 'role model' untuk menunjukkan budaya dari kaum sendiri atau kaum lain
- berkongsi dengan rakan anda agar mereka mendapat kefahaman yang lebih baik
- contoh budaya / perayaan / adat resam
- halang sebarang prasangka dan diskriminasi untuk mewujudkan persekitaran yang positif
- masyarakat akan sentiasa hidup dalam keadaan aman dan harmoni
- kesannya hasrat merealisasikan pembinaan negara bangsa moden yang berdaulat walaupun terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik dapat dijayakan
- seterusnya akan menaikkan imej negara di persada antarabangsa

2. Bermula pada bulan Julai 1961, berlaku beberapa peristiwa penting ke arah merealisasikan penubuhan Malaysia.

a) Huraikan langkah ke arah merealisasikan pembentukan Malaysia.

[8 markah]

F1 Siri lawatan

H1a Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sarawak dan Brunei pada Julai 1961

H1b Lawatan pemimpin Sarawak dan Sabah ke PTM pada Ogos 1962

H1c November 1962, lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sarawak dan Sabah

H1d Terdapat kesepakatan ahli politik PTM untuk menjelaskan gambaran rancangan Malaysia kepada penduduk Sarawak dan Sabah

F2 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JKSM)

H2a Bermesyuarat sebanyak 4 kali iaitu di Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura

H2b Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia/ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat/ mengumpulkan pandangan / menyebarkan maklumat/ memupuk aktiviti penghebahan yang mempercepatkan pembentukan Malaysia

H2c Memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman kepada pemimpin tempatan/ mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia

F3 Referendum Singapura

- H3a Diadakan pada awal September 1962 di Singapura
- H3b Menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia
- H3c Rakyat Singapura bersetuju untuk bergabung membentuk Malaysia
- F4 Rundingan London
- H4a Rundingan antara kerajaan PTM dan kerajaan British pada November 1961
- H4b Penubuhan suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah
- F5a Suruhanjaya Cobbold (Januari 1962)
- H5a Meninjau pendapat penduduk Sarawak dan Sabah
- F6 Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) pada Ogos 1962
- H6a Menyediakan rangka perlembagaan
- H6b Membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah

b) Senaraikan intipati Perjanjian Malaysia.

[4 markah]

- F1 Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963
- F2 Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu
- F3 Kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia diiktiraf oleh kerajaan British
- F4 Sarawak dan Sabah diberi kelebihan menubuhkan kabinet negeri
- F5 Memeruntukkan tempoh peralihan kepada Sarawak dan Sabah seperti pentadbiran dan pendidikan
- F6 Peruntukan kerusi Parlimen kepada Singapura sebanyak 15 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Sabah sebanyak 16 kerusi
- F7 Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan

c) Tindakan bijak Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia telah membawa kebaikan kepada rakyat. Buktikan pernyataan tersebut.

[8 markah]

- F1 Mempercepatkan kemerdekaan Sabah, Sarawak dan Singapura
- F2 Pembangunan lebih pantas
- F3 Mengatasi ancaman komunis
- F4 Mengukuhkan pertahanan negara
- F5 Keluasan negara bertambah
- F6 Pasaran negara bertambah
- F7 Memajukan wilayah yang mundur
- F8 Meningkatkan kemudahan dan prasarana
- F9 Mewujudkan negara baru yang harmoni

TINGKATAN 5 BAB 6: CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Selepas pembentukan Malaysia, kita berdepan dengan pelbagai cabaran dalam memastikan kemakmuran dan kedaulatan negara terpelihara.

(a) Nyatakan dua cabaran dalaman yang dihadapi pada waktu tersebut.

[2 markah]

- F1 Cabaran pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah
- F2 Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
- F3 Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan
- F4 Memajukan sistem pendidikan
- F5 Cabaran politik di Sarawak
- F6 Cabaran perpaduan kaum
- F7 Ancaman komun

(b) Pada pandangan anda, bagaimanakah cabaran di (a) dapat diatasi?

[4 markah]

F1 Mewujudkan keseimbangan pembangunan dan sosioekonomi

F2 Menyusun bidang pekerjaan

F3 Mempelbagaikan pertanian komersial seperti kelapa sawit, getah dan koko

F4 Membuka peluang kepada penduduk menyertai kegiatan ekonomi berkaitan dengan petroleum

F5 Membina sistem perhubungan dan pengangkutan terutama kepada penduduk di kawasan pedalaman

F6 Pembangunan Sarawak dan Sabah melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia (1966)

F7 Membina sekolah dan melatih tenaga guru bagi memberikan pendidikan kepada penduduk

F8 Pengisytiharan darurat di Sarawak pada September 1966

F9 Mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional

F10 Memupuk sema

(c) Petikan akhbar berikut berkaitan dengan perpaduan kaum di Malaysia.

“...sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patriotik adalah menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian dengan menahan diri daripada melakukan perbuatan provokasi dan keganasan yang akan mengakibatkan konflik dan kekacauan. Semangat muhibah terhasil apabila rakyat yang berasal dari etnik dan agama yang berbeza saling menghormati antara satu sama lain, sentiasa berhati-hati dan menyedari sensitiviti agama dan budaya masing-masing demi keharmonian antara kaum”.

Diubahsuai daripada, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/605018/perpaduan-kaum-dimalaysia-perlu-terus-utuh> (9 September 2019)

Berikan ulasan mengapakah kita perlu menjaga keharmonian kaum di Malaysia.

[4 markah]

F1 Memastikan kestabilan negara

F2 Kemajuan dan pembangunan negara tidak terjejas

F3 Membolehkan ekonomi berkembang maju

F4 Meningkatkan taraf hidup rakyat

F5 Negara dihormati di mata dunia

F6 Mewujudkan masyarakat yang saling menghormati

F7 Menjamin keselamatan negara

F8 Melahirkan warga yang cinta akan negara

2. Pada 13 Mei 1969, berlaku tragedi berdarah rusuhan kaum di negara kita.

a) Nyatakan faktor-faktor yang membawa kepada Peristiwa 13 Mei 1969.

[2 markah]

F1 Kesan daripada ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial dalam negara

F2 Keadaan dan keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969.

H2a Ketegangan bermula dengan kempen pilihan raya.

H2b Terdapat parti politik mengeksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti perkauman.

F3 PKM mengambil kesempatan semasa pilihan raya.

H3a Untuk mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum bagi menggoncang kestabilan negara.

F4 Parti yang bertanding berkempen dengan menggunakan sentiment perkauman dan keagamaan.

H4a Untuk mendapatkan sokongan daripada pengundi.

F5 Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal.

H5a Menimbulkan kekacauan dan perbuatan provokatif.

b) Jelaskan usaha-usaha kerajaan bagi menangani Peristiwa 13 Mei 1969.

[4 markah]

F1 Mengisytiharkan darurat.

H1a Perlembagaan Persekutuan digantung.

H1b Parlimen ditangguh.

H1c Negara diperintah secara terus oleh Yang di-Pertuan Agong.

F2 Membentuk Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).

H2a Menjalankan pentadbiran negara.

H2b Mengembalikan keamanan.

H2c Mewujudkan keharmonian rakyat.

F3 Raja-Raja Melayu memainkan peranan.

H3a Sultan Perak menasihati rakyat supaya menjaga keamanan.

H3b Pemimpin masyarakat dan politik negeri Perak menubuhkan Jawatankuasa Muhibah.

H3c Merayu penduduk agar bertenang.

H3d Membantu negara mengekalkan keamanan.

c) Pada pendapat anda, bagaimanakah rakyat Malaysia dapat mengukuhkan perpaduan antara pelbagai kaum? [4 markah]

F1 Mengamalkan prinsip Rukun Negara.

F2 Saling menghormati antara satu sama lain.

F3 Mendukung sifat toleransi.

F4 Mengamalkan gotong-royong/ ziarah-menziarahi.

F5 Memahami budaya/ agama kaum lain.

F6 Bangga dengan ciri kepelbagaian masyarakat.

F7 Sama-sama mempertahankan kedaulatan negara.

F8 Menyambut Hari Kemerdekaan dengan meriah.

F9 Menghormati perlembagaan negara.

TINGKATAN 5 BAB 7: MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

1. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 memperuntukan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

(a) Nyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.

[3 markah]

F1 Penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan 1967/Akta 32

F2 Dijadikan bahasa rasmi dalam sistem pentadbiran

F3 Memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem Pendidikan

F4 Penubuhan universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970

F5 Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka

(b) Bagaimanakah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan meningkatkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu? [3 markah]

F1 Membuka cawangan di Pulau Pinang/Johor/Kelantan/Sarawak Sabah

F2 Mengembangkan aktiviti sastera dan Bahasa

F3 Penerbitan buku/majalah

F4 Menyebarkan risalah

F5 Menganjurkan seminar / bengkel

F6 Mengadakan pelbagai aktiviti sempena Minggu dan Bulan Bahasa

F7 Melancarkan slogan "Bahasa Jiwa Bangsa"

(c) Teliti lirik lagu "Bahasa Jiwa Bangsa" berikut.

Gunakanlah Bahasa kebangsaan kita,
Marilah amalkan ramai-ramai,
Bahasalah menyatukan kita semua,
Yakinlah Bahasa jiwa bangsa

Berdasarkan lirik lagu tersebut, sejauh manakah bahasa kebangsaan mampu menyatukan rakyat Malaysia? [4markah]

- F1 Menjadi jambatan yang menghubungkan rakyat pelbagai kaum
- F2 Menjadikan rakyat saling menghormati antara satu sama lain
- F3 Memahami apa-apa yang dipunyai oleh bangsa lain
- F4 Identiti yang dipunyai oleh bangsa Malaysia
- F5 Membezakan bangsa kita dengan bangsa lain di dunia
- F6 Membentuk Jati diri rakyat
- F7 Cerminan kesopanan budi/adat yang dimiliki bangsa
- F8 Menunjukkan maruah sebagai rakyat negara yang berdaulat

LET SCORE A in SPM !

- Contoh soalan jawapan diberi adalah berdasarkan Ramalan SPM 2025
- Untuk pemahaman sepenuhnya, sila rujuk pada nota buku teks atau nota ringkas pada studytips apps.
- Kita pecahkan rekod SPM kali ini

Terms & Conditions

- The information provided is for education purposes only and should not be considered as leak of question papers.
- The organizer disclaims all liability for any loss, damage or personal suffered directly or indirectly from reliance on such information
- The tips provided are considered as **forecast questions** and there is no warranty of its accuracy
- However all effort has been made to provide the most possible tips towards SPM questions.

This PROJECT IS FREE
ONLY THOSE WHO WANT TO SCORE, NEED TO JOIN
REMEMBER: We are just trying to help!

Semua Hak Cipta Terpelihara telah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Tiada sebarang bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula atau dionlinekan. Mereka yang melanggar boleh didakwa.